

---

**UCAPAN BAJET 2023**  
**OLEH YAB. MENTERI BESAR KEDAH**

---

**PENDAHULUAN**

Bismillahirrohmanirrohim.

Alhamdulillah Robbil Alamin. Wassolatu Wassalamu 'Ala Asyrafil Anbiya'l Walmursalin, Saidina Muhammadin Sallallahu Alaihi Wassalam, Wa'ala Alihi Washohbihi Ajmain.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Ketua-ketua Jabatan, hadirin yang dihormati sekalian.

1. Terlebih dahulu marilah sama-sama kita panjatkan setinggi tinggi kesyukuran kehadiran Allah S.W.T kerana atas nikmat dan rahmatNya dapatlah kita berada di dewan yang mulia pada pagi ini.

Saya mulakan ucapan saya pada pagi ini dengan serangkap pantun,

***Pohon mangga buahnya lebat,***

***Secangkir kopi diminum hangat,***

***Selamat pagi Ahli-Ahli Yang Berhormat,***

***Dengarlah ucapan saya dengan cermat.***

وَلَنَبْلُوَنَّكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ  
 وَالشَّرَاتِ وَبَشِيرِ الصَّابِرِينَ ﴿١٥٥﴾ الَّذِينَ إِذَا أَصَابَتْهُمُ مُصِيبَةٌ قَالُوا  
 إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ ﴿١٥٦﴾ أُولَئِكَ عَلَيْهِمْ صَلَوَاتٌ مِّن رَّبِّهِمْ  
 وَرَحْمَةٌ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُهْتَدُونَ ﴿١٥٧﴾

(QS. Al-Baqarah: 155) *“Dan sungguh Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut, kelaparan, kekurangan harta benda dan jiwa serta hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar,*

(QS. Al-Baqarah: 156) *(yaitu) orang-orang yang apabila ditimpa musibah, mereka mengucapkan: “Innaa lillahi wa innaa ilaihi raaji’uun”.*

(QS. Al-Baqarah: 157) *Dan mereka itulah orang-orang yang dilimpahi dengan berbagai-bagai kebaikan dari Tuhan mereka serta rahmatNya, dan mereka itulah orang-orang yang mendapat petunjuk dan hidayahNya.”*

2. Pada 4 Juli 2022, kita di Negeri Kedah telah diuji dengan satu tragedi yang amat dahsyat dan amat memilukan iaitu kejadian bencana banjir puing di Kampung Iboi dan sekitarnya di Kupang, Baling.

3. Meskipun ujian peristiwa itu amatlah berat termasuk kehilangan tiga nyawa daripada satu keluarga, Alhamdulillah, Allah S.W.T telah mengurniakan kita kekuatan, semangat dan pertolongan yang membolehkan kita menguruskannya dengan baik sekali.
4. Berbagai-bagai pihak dari seluruh negara tanpa mengira bangsa dan agama telah menghulurkan bantuan dalam bentuk kewangan dan bukan kewangan sebagai tanda simpati dan empati terhadap mangsa. Ramai juga yang turun sendiri ke lapangan dan ini amat membantu sebagai sokongan moral untuk mangsa yang sedang dalam trauma.
5. Kerajaan telah memberikan bantuan kepada semua mangsa banjir, khususnya kepada 12 keluarga yang kehilangan tempat tinggal melalui pembinaan rumah ganti yang sempurna di Kampung Sadek.
6. Dalam hal ini, antara bantuan diberikan oleh Kerajaan Negeri khususnya kepada 12 keluarga yang kehilangan tempat tinggal ialah pembinaan rumah ganti yang sempurna di kawasan Perumahan KEDA Kampung Sadek, Kupang.
7. InsyaAllah pembinaan rumah ganti ini dijangka siap pada bulan Januari 2023. Selain itu, seramai 17 keluarga yang berada di zon bahaya dan terdedah kepada banjir setiap kali hujan lebat juga akan mendapat rumah baharu.

8. Kerajaan sedang menguruskan pengambilan balik tanah di kawasan berhampiran Kampung Iboi dengan peruntukan Kerajaan Negeri manakala kos pembinaan rumah akan dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan.

**Yang Berhormat Dato' Speaker serta Ahli - Ahli Yang Berhormat sekalian,**

9. Alhamdulillah, pada pagi yang permai ini saya berpeluang untuk kali yang ketiga membentangkan Bajet Tahun 2023, InsyaAllah.
10. Untuk penyediaan bajet kali ini, kita telah memulakan sesi libat urus dengan pelbagai pihak untuk mendapatkan segala maklumat yang diperlukan.
11. Pelbagai dapatan telah diperolehi hasil sesi ini. Segala maklumat dan cadangan yang diperolehi telah dihadam dan dicernakan di beberapa peringkat untuk menghasilkan pelan bajet yang terbaik untuk dibentangkan pada hari ini.
12. InsyaAllah, semoga apa yang dicadangkan ini dapat memenuhi aspirasi dan teras gagasan Kedah Sejahtera, Nikmat Untuk Semua.
13. Kita semua maklum bahawa pada tahun hadapan, ekonomi global dijangka akan mengalami ketidakstabilan malah mungkin merudum lebih teruk daripada apa yang telah kita lalui.

14. Justeru, hasil pendapatan Kerajaan Negeri juga dijangka akan mengalami kemerosotan.
15. Dengan jangkaan ini, Bajet Tahun 2023 yang kita cadangkan ini sudah mengambil kira akan kemungkinan itu.
16. Sebagai langkah kesiapsiagaan, perancangan perbelanjaan Kerajaan Negeri disusun dengan mengutamakan perbelanjaan yang paling perlu dan paling memberi faedah secara langsung kepada rakyat.

**Yang Berhormat Dato' Speaker,**

## **PRESTASI KERAJAAN NEGERI TAHUN 2022**

Firman Allah di dalam Surah Al-A'raf ayat 96:

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ ءَامَنُوا وَاتَّقَوْا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ  
وَلَٰكِن كَذَّبُوا فَأَخَذْنَاهُم بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ ﴿٩٦﴾

(QS. Al-A'raf: 96) *Dan (Tuhan) berfirman lagi: sekiranya penduduk Negeri itu, beriman dan bertaqwa tentulah Kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya dari langit dan bumi. Tetapi mereka mendustakan (Rasul kami) lalu, kami timpakan kepada mereka dengan azab seksa disebabkan apa yang mereka telah usahakan."*

17. Sejak mengambil alih pemerintahan Kerajaan Negeri pada 17 Mei 2020, saya dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri telah berusaha keras menarik masuk pelaburan asing dan tempatan. Usaha ini di buat bagi mempercepatkan pertumbuhan ekonomi, menjana peluang perniagaan dan pekerjaan kepada rakyat. Alhamdulillah, tahun 2021 telah mencatatkan rekod terimaan pelaburan yang sangat besar dengan nilai pelaburan diluluskan sebanyak **RM68.3 bilion**.
18. Angka ini jauh melebihi sasaran nilai pelaburan tahunan bawah Pelan Pembangunan Kedah 2035 yang hanya **RM10 bilion**.
19. Untuk tahun 2022, Alhamdulillah setakat separuh pertama sehingga bulan Jun, nilai pelaburan yang diluluskan berjumlah **RM9.7 bilion**.
20. Suka saya umumkan di dewan yang mulia ini bahawa bagi sektor perkilangan, pelaburan yang diluluskan untuk Negeri Kedah berjumlah **RM9.38 bilion** adalah yang tertinggi mendahului negeri-negeri lain.
21. Ini sekaligus memberikan gambaran yang positif bahawa pelabur-pelabur dalam sektor industri semakin menunjukkan minat dan keyakinan yang tinggi untuk terus membawa masuk modal baharu ke negeri kita. Alhamdulillah.

22. Bagi sektor-sektor yang lain pula, pelaburan diluluskan bagi separuh pertama 2022 ialah **RM110.54 juta** untuk sektor perkhidmatan dan **RM0.2 bilion** untuk lain-lain industri.
23. Dengan data-data daripada Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), saya harap kita semua di Negeri Kedah, termasuk pembangkang dapat berkongsi rasa syukur dan menyokong usaha-usaha yang dilakukan oleh semua pihak yang terbabit terutama pegawai-pegawai di Jabatan Kerajaan Negeri dan Persekutuan.
24. Bagi tahun 2023, Kerajaan Negeri akan terus menggiatkan promosi menarik masuk pelaburan ke beberapa lokasi utama seperti Kulim Hi-Tech Park, Kedah Rubber City (KRC) dan Kedah Science and Technology Park (KSTP).
25. Dalam masa yang sama, Negeri Kedah juga bakal menerima beberapa pelaburan tempatan InsyaAllah akan memberi impak. Antaranya ialah :

**PROJEK PEMBANGUNAN LITAR BERTARAF  
ANTARABANGSA DAN PEMBANGUNAN BERCAMPUR DI  
BUKIT MALUT, LANGKAWI**

26. Semasa pembentangan Bajet 2022, saya ada memaklumkan mengenai perancangan Projek Pembangunan Litar Bertaraf Antarabangsa dan Pembangunan Bercampur di Bukit Malut, Langkawi. Projek ini dimajukan secara usahasama antara

Permodalan Kedah Berhad (PKB) dan Open Road World Sdn. Bhd. dengan nilai pembangunan kasar (GDV) keseluruhan berjumlah **RM4.8 bilion**. Projek ini akan dimulakan dengan Fasa 1 melibatkan pembangunan gudang kenderaan, kemudahan berkaitan dan infrastruktur asas dengan anggaran kos sebanyak **RM436 juta**.

27. Semua urusan pra-pembinaan termasuk kelulusan EIA dan Kebenaran Merancang telah di perolehi dan pembinaan projek ini akan bermula Disember tahun ini.

### **PROJEK LITAR LUMBA SUNGAI PETANI**

28. Bagi menggiatkan lagi sukan permotoran khasnya di kalangan belia, Projek Litar Lumba Sungai Petani akan di percepatkan pelaksanaannya. Melalui penglibatan MBI, PKB dan Open Road Asia Sdn. Bhd., sukacita saya maklumkan perancangan baharu projek ini. Kerja kerja tanah dan pembinaan ***Drag Racing Track*** di atas tapak sedia ada akan dimulakan pada akhir November dan dijangka siap dalam tempoh 3 bulan. Ianya akan menjadi sebahagian trek litar lumba yang akan disiapkan kemudian. Perubahan ini dibuat bagi menyahut seruan YAB. Perdana Menteri yang mahukan ***Drag Racing Track*** diadakan di setiap negeri bagi membolehkan sukan permotoran berkembang dengan lebih pesat. Kerajaan merancang untuk mengadakan acara ***Drag Racing*** pada bulan April 2023. Hasil kerja keras Kerajaan Negeri, projek yang tertangguh selama 9 tahun akan menjadi kenyataan. InsyaAllah.



## **PROJEK WIDAD LANGKASUKA VILLAGE**

29. Projek yang dikenali sebagai Widad Langkasuka adalah merupakan projek yang dimajukan oleh syarikat Langkasuka Land Sdn. Bhd. (anak syarikat Widad Business Group Sdn. Bhd.) melibatkan sebuah projek pembangunan bercampur yang dibahagikan kepada 2 fasa utama di mana Fasa 1 mengandungi 7 komponen pembangunan yang akan dibina di atas tapak yang telah ditambah.
30. Manakala Fasa 2 adalah di atas tapak yang akan ditambah. Keseluruhan kawasan pembangunan adalah seluas lebih kurang 1,966 ekar. Pada 23 Oktober yang lalu, saya telah merasmikan Majlis Pecah Tanah Projek ini. Fasa pertama projek ini dijangka siap dalam tempoh 5 tahun.

## **PROJEK PEMBANGUNAN BERINTEGRASI PUSAT BEKALAN GAS DAN LOJI JANAKUASA PULAU BUNTING, YAN, KEDAH**

31. Projek ini dijangka akan memberi impak yang sangat besar, yang sekaligus akan mengubah landskap Daerah Yan.
32. YAB Perdana Menteri pada 1 September 2022 telah merasmikan projek Kumpulan MMC dan SKS Corporation ini yang akan dibangunkan dengan nilai keseluruhan pelaburan mencecah **RM14.4 bilion.**

33. Komponen projek adalah seperti berikut:

**i. Hub Kapal ke Kapal (*Ship-to-Ship Transfer*) Yan**

Sebuah pelabuhan pesisiran pantai yang dibangunkan khusus untuk aktiviti pemindahan kargo produk gas asli cecair (LNG) dan produk petroleum secara Ship-To-Ship di Hub Pelabuhan Yan.

**ii. Loji Jana Kuasa Turbin Gas Kitar Padu dengan kapasiti 1,400MW**

Projek ini melibatkan tebus guna laut berhampiran Pulau Bunting, Yan. Kerajaan Negeri telah menubuhkan satu jawatankuasa teknikal yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri dan memberi kerjasama penuh bagi menjayakan pelaksanaan kedua-dua projek ini.

**Yang Berhormat Dato' Speaker,**

**PRESTASI KUTIPAN HASIL NEGERI KEDAH TAHUN 2022**

34. Sehingga 20 Oktober 2022 Kerajaan Negeri berjaya mengutip Hasil sebanyak **RM517.07 juta bersamaan 71%** daripada anggaran hasil yang di tetapkan sebanyak **RM725 juta di dalam Bajet Tahun 2022.**

35. Pentadbiran tanah merekodkan terimaan hasil sebanyak **RM315.12 juta** bersamaan 64%. Terimaan hasil daerah berjumlah **RM9.98 juta** bersamaan 73%, manakala Jabatan Perhutanan merekodkan terimaan sebanyak **RM24.55 juta** bersamaan 89% dan Terimaan Pelbagai Jabatan termasuk Pemberian Persekutuan berjumlah **RM167.42 juta** bersamaan 46%.
36. Pada tahun 2022, prestasi terimaan cukai tanah dan tunggakan cukai tanah adalah lebih baik berbanding tahun 2021 di mana berlaku peningkatan kutipan sebanyak **RM13.58 juta**. Terimaan hasil daerah **meningkat RM7.54 juta** dan hasil hutan juga menunjukkan peningkatan sebanyak **RM8.05 juta**.
37. Walaupun dilanda pandemik Covid-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada tahun 2020 dan tahun 2021 Kerajaan Negeri sentiasa konsisten untuk mengambil inisiatif bagi memastikan terimaan hasil negeri melebihi **RM500 juta**.
38. Kerajaan Negeri telah menyediakan platform terimaan hasil secara dalam talian yang dikenali iBAYAQ, yang telah mula digunakan pada tahun 2020 bagi memudahkan rakyat membuat bayaran secara atas talian. Sehingga 25 Oktober tahun 2022 jumlah pengguna telah mencecah **20 ribu orang** dan melibatkan nilai kutipan berjumlah **RM15.3 juta** meliputi urusan bayaran cukai tanah, bayaran perumahan, pendaftaran kontraktor dan lain-lain bayaran.

39. Kerajaan Negeri melihat wujudnya keperluan untuk menyediakan platform yang pelbagai dalam kaedah bayaran yang boleh digunakan oleh orang awam untuk membayar cukai tanah, caj perkhidmatan dan lain-lain bayaran. Peralihan daripada perkhidmatan bayaran secara manual di kaunter telah digantikan dengan bayaran tanpa tunai yang telah dilancarkan pada 18 Julai 2022. Melihat kejayaan Sistem iBAYAQ, Pentadbiran Negeri telah membangunkan satu lagi sistem iaitu Sistem Hasil Bersepadu yang di kenali sebagai iHASIL.
40. Fasa pertama iHASIL bagi urusan pembayaran di Pentadbiran Tanah telah bermula pada bulan Julai 2022. Berdasarkan maklumbalas positif daripada pengguna, Kerajaan Negeri memutuskan untuk mengembangkan penggunaan iHASIL kepada semua jabatan negeri.
41. Inisiatif Kerajaan untuk menerapkan pembayaran tanpa tunai di bawah kempen **Kedah Cashless akan digiatkan dengan bersungguh-sungguh**. Kerajaan telah menyediakan kiosk bayaran tanpa tunai di semua Pejabat Tanah. Kemudahan ini akan dipanjangkan kepada semua jabatan pemungut hasil negeri. Mulai 1 Januari 2023, semua pembayaran adalah tanpa tunai, InsyaAllah.
42. Pelaksanaan inisiatif ini bertujuan memberi kemudahan kepada orang ramai dan dapat meningkatkan kecekapan kepada jabatan pemungut hasil dalam merekodkan terimaan hasil serta mengurangkan kos operasi.

**Yang Berhormat Dato' Speaker,**

**PRESTASI RIZAB KERAJAAN NEGERI TAHUN 2022**

43. Kerajaan Negeri komited dalam memastikan pengurusan kewangan diurus mengikut peraturan kewangan yang cekap teratur dan tidak berlaku ketirisan. Ini adalah bagi memastikan setiap sen wang rakyat yang dibelanjakan menepati matlamat yang telah ditetapkan. Dalam keadaan ekonomi negara yang belum pulih sepenuhnya ketika ini, perbelanjaan perlu dibuat secara berhemah dengan memberi keutamaan kepada keperluan berbanding kehendak. Jika kita nak ikut kehendak tidak akan pernah cukup. Perbelanjaan hendaklah dibuat mengikut keutamaan (**awlawiyyat**) dan berdasarkan keupayaan aliran tunai kerajaan.
44. Kedudukan kewangan Kerajaan Negeri pada ketika ini adalah stabil dan hasil pengurusan kewangan yang baik ini Kerajaan Negeri telah mendapat pengiktirafan Sijil Bersih Penyata Kewangan Negeri Kedah Bagi Tahun Berakhir Disember 2021 oleh Ketua Audit Negara.
45. Kerajaan Negeri sentiasa mengamalkan pengurusan kewangan berakauntabiliti. Hasilnya, rizab Kerajaan Negeri pada penghujung Disember 2020 berjumlah **RM324.3 juta**. Kedudukan rizab bertambah baik pada tahun 2021 iaitu sebanyak **RM464.3 juta**. Sehingga September 2022, rizab simpanan tunai Kerajaan Negeri adalah berjumlah **RM549.3 juta**.

46. Walaupun Kerajaan Negeri mempunyai lebih melalui rizab simpanan tunai, tetapi ianya tidak boleh dibelanjakan sewenang-wenangnya kerana peruntukan tersebut telah ditetapkan perbelanjaannya bagi maksud tertentu sahaja.

## **PRESTASI BAYARAN TAHUN 2022**

47. Kerajaan telah menetapkan urusan pembayaran bil dan tuntutan perlu diselesaikan dalam tempoh 14 hari daripada tarikh permohonan lengkap diterima. Sehingga 27 Oktober 2022 sebanyak 55,197 transaksi bayaran telah disempurnakan. Daripada jumlah ini **91%** daripada bayaran tersebut diselesaikan dalam tempoh 7 hari, **8.6%** diselesaikan dalam tempoh 8 hingga 14 hari dan hanya **0.3%** diselesaikan melebihi tempoh 14 hari.
48. Saya merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada seluruh kakitangan Kerajaan Negeri atas pencapaian ini. Kerajaan Negeri komited untuk memastikan urusan bayaran mencapai sasaran sifar bayaran melebihi 14 hari.
49. Kerajaan Negeri konsisten dalam memastikan tanggungan hutang kepada Kerajaan Persekutuan dibuat bayaran secara terancang. Pada tahun 2020, sejumlah **RM24.8 juta** telah dibuat bayaran. Pembayaran ini telah di tambah kepada **RM45.9 juta** pada tahun 2021 dan sehingga September pada tahun ini sejumlah **RM42.8 juta**. Pembayaran suku tahun keempat berjumlah **RM5 juta** dijadualkan pada Disember ini dan menjadikan pembayaran hutang pada tahun ini berjumlah **RM47.8 juta**.

50. Baki hutang akan dipastikan dibayar mengikut anuiti dan berdasarkan siling peruntukan yang telah diluluskan dan tidak lagi secara '*payable when able*'.

## **PERBELANJAAN PERUNTUKAN MARRIS TAHUN 2022**

51. Hasil usaha yang agresif dalam melakukan pendaftaran jalan negeri menerusi Sistem Penyenggaraan Jalan (MARRIS) mampu menghasilkan tambahan peruntukan kepada Kerajaan Negeri. Pada tahun ini, Kerajaan Negeri telah menerima sebanyak **RM286.8 juta** berbanding **RM258.8 juta** pada tahun 2021 atau peningkatan sebanyak 11%, ini membolehkan kerajaan menambah bilangan jalan yang di senggara.
52. Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa sentiasa mengkaji dan menambah baik tatacara pengurusan penyenggaraan jalan negeri supaya dapat memberi faedah yang optimum kepada rakyat. Selain penyenggaraan jalan, skop baharu meliputi pembaikan cerun serta pembaikan dan menggantikan jambatan turut ditambah.
53. Sehingga September 2022, sebanyak **RM252 juta** telah diluluskan kepada pelbagai jabatan pelaksana. Kerja-kerja penyenggaraan jalan negeri meliputi perkara perkara berikut :
- i. 754 batang Jalan Kampung atau 732.82 km,
  - ii. 417 batang atau 383.30 km Jalan Raya Negeri,
  - iii. 307 batang atau 180 km Jalan Pertanian,
  - iv. 268 batang atau 156 km Jalan PBT.

54. Daripada jumlah peruntukan yang diterima, sebanyak **RM115.59 juta** diperuntukkan untuk senggara Jalan raya Negeri oleh JKR Negeri, **RM58 juta** bagi Jalan-Jalan PBT dan Jalan Pertanian oleh JPS Negeri dan **RM78.4 juta** bagi Jalan Kampung di bawah senggaraan pejabat daerah.
55. Walau bagaimanapun, saya mengakui terdapat cabaran dalam memenuhi keperluan penduduk setempat. Masih ada isu jalan rosak yang di viral di media sosial. Saya memohon kerjasama semua Yang Berhormat agar dapat membantu menyampaikan maklumat jalan yang perlu dibaiki kepada pejabat daerah.
56. Semua agensi pelaksana iaitu Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri, Pejabat Daerah, dan Pihak Berkuasa Tempatan sentiasa bekerjasama menjalin persefahaman yang mantap bagi memastikan jalan-jalan negeri berada dalam keadaan baik untuk kegunaan awam. Kerajaan Negeri sentiasa mengalu-alukan orang ramai menyampaikan maklumat mengikut saluran yang betul supaya kerja-kerja penyenggaraan dan pembaikan jalan dapat dilaksanakan dan pemasalahan rakyat dapat diselesaikan dengan segera.

## **CABARAN EKONOMI**

57. Pakar ekonomi meramalkan ekonomi global akan bergelut dengan kemelesetan ekonomi bermula pertengahan tahun 2023. Perang Rusia-Ukraine dilihat menjadi penyumbang kepada kenaikan kepada harga barangan dan kadar faedah yang seterusnya



menjadi punca kepada kenaikan kadar inflasi. Rakyat pastinya terkesan dengan keadaan ini. Kerajaan akan lebih gigih berusaha membantu rakyat meneruskan kehidupan dalam fasa mencabar ini.

58. Pendekatan baharu yang bersepadu akan diambil bagi membangunkan ummah. Kerajaan Negeri, menjalin hubungan erat dengan Lembaga Zakat Negeri Kedah, semua GLC, lain-lain agensi kerajaan. Pihak swasta dan orang perseorangan turut serta dalam pengumpulan dana dalam memberikan bantuan kepada keluarga miskin. Selaras dengan falsafah “***Kedah Negeri Tempat Orang Miskin Berteduh, Tempat Orang Kaya Berbakti***”. Kerajaan akan menggerakkan sumbangan tunai melalui Tabung Tunku Mahmud. Semua sumbangan di terima akan disalurkan bagi membantu mereka yang memerlukan khususnya dalam pelajaran dan kebajikan.
59. Usaha ini telah di mulakan tahun ini apabila beberapa syarikat swasta telah memberi sumbangan tunai bagi membantu kerajaan menambah Bantuan Biasiswa Kecil Persekolahan dan Pinjaman Pendidikan.

**Yang Berhormat Dato’ Speaker,**

### **BAJET 2023**

60. Bajet 2023 dirangka untuk memenuhi gagasan **KEDAH SEJAHTERA NIKMAT UNTUK SEMUA.**

## ANGGARAN HASIL 2023

61. Kerajaan Negeri menganggarkan anggaran hasil berjumlah **RM735 juta meningkat** sebanyak **RM10 juta** berbanding anggaran pada tahun 2022. Daripada jumlah ini, penyumbang terbesar adalah daripada hasil cukai berjumlah **RM346.95 juta** atau **47.2%**, hasil kedua tertinggi adalah daripada Hasil Bukan Cukai menyumbang **30.33%** atau **RM222.92 juta**. Terimaan Bukan Hasil pula adalah berjumlah **RM165.13 juta** atau **22.47%**.
62. Pecahan hasil mengikut kategori kutipan adalah seperti berikut:
- i. Hasil Tanah berjumlah **RM495.26 juta**
  - ii. Pelbagai Hasil berjumlah **RM197.4 juta**
  - iii. Hasil Hutan berjumlah **RM30.34 juta**
  - iv. Hasil Daerah berjumlah **RM12.03 juta**
63. Kerajaan Negeri komited dalam memastikan anggaran tahunan hasil yang ditetapkan dalam anggaran dapat dicapai sekurang-kurangnya 95 % daripada anggaran yang dibuat.
64. Sasaran Hasil berjumlah **RM1 billion** seperti saya umumkan ketika sesi Dialog Bajet 2023. Sasaran ini bersifat realistik dan InsyaAllah bakal direalisasikan pada tahun 2024.
65. Anggaran Hasil **RM1 billion** yang dinyatakan ini belum dimasukkan sebagai Anggaran Hasil Tahun 2023, kerana terdapat pelbagai perkara berkaitan punca kuasa, aktiviti dan kadar

bayaran perlu dilindungi. Untuk itu kerajaan telah menubuhkan Jawatan Kuasa Khas Hasil Negeri untuk merealisasikan perkara ini.

**Yang Berhormat Dato' Speaker,**

### **ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS 2023**

66. Saya mohon mencadangkan peruntukan perbelanjaan mengurus 2023 berjumlah **RM839.12 juta**. Daripada jumlah ini, sejumlah **RM104.04 juta** adalah merupakan jumlah yang diperuntukkan sebagai **Caruman Kumpulan Wang Pembangunan Negeri**.
67. Di bawah Peruntukan Perbelanjaan Mengurus, pecahan peruntukan bagi maksud tanggungan dan perbekalan adalah seperti berikut:

**Perbelanjaan Tanggungan** berjumlah **RM89.73 juta**

**Perbelanjaan Perbekalan** berjumlah **RM749.39 juta**

68. Anggaran perbelanjaan ini, meningkat sebanyak **1.07%** atau **RM8.9 juta**. Peningkatan yang tidak terlalu ketara ini disebabkan pengurangan kepada jumlah peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun Negeri daripada **RM118.04 juta** kepada **RM104.04 juta**. Tanggungan yang tinggi pada tahun 2022 adalah bagi menampung pengambilan tanah bagi Projek Bekalan Air yang telah diluluskan peruntukan Bajet Tambahan pada 20 Mac 2022 berjumlah **RM15 juta**.

**Yang Berhormat Dato' Speaker,**

**ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN NEGERI  
KEDAH 2023**

69. Tahun 2023 adalah merupakan tahun ketiga Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12), kerangka perbelanjaan pembangunan dibuat berasaskan Pelan Pembangunan "**Kedah 2035**" dengan visi **Kedah Sejahtera dan Berdaya Huni**.
70. Saya mohon mencadangkan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Negeri berjumlah **RM220 juta** bagi Bajet 2023 melibatkan **9 jabatan pelaksana**. Anggaran daripada Hasil Kumpulan Wang Pembangunan Negeri dianggarkan lebih tinggi berbanding tahun 2022 melibatkan **kenaikan Kutipan Perumahan** berjumlah **RM7 juta** berbanding **RM4 juta** tahun 2022.

**ANGGARAN PEMBANGUNAN KUMPULAN WANG  
PEMBANGUNAN HUTAN 2023**

71. Bajet 2023 juga mencadangkan Anggaran Pembangunan Hutan berjumlah **RM8.9 juta**. Terimaan Hasil daripada Kumpulan Wang Pembangunan Hutan dijangkakan berjumlah **RM4.5 juta** dari kutipan SES Pembangunan Hutan dan Terimaan daripada Pemberian "*Ecological Fiscal Transfer For Biodiversity Conservation (EFT)*" berjumlah **RM4.4 juta**.

## **ANGGARAN PEMBANGUNAN KUMPULAN WANG BEKALAN AIR 2023**

72. Peruntukan Anggaran Bekalan Air berjumlah **RM285.05 juta** melibatkan **RM283.05 juta** daripada Pinjaman Kerajaan Persekutuan dan peruntukan daripada Kerajaan Negeri berjumlah **RM2 juta**.
73. Mengambil kira Anggaran Hasil, Perbelanjaan Mengurus, Peruntukan Kumpulan Wang Pembangunan Hutan dan Kumpulan Wang Bekalan Air, **Defisit Tahun 2023** dianggarkan **pada 14.17%** atau **RM104.12 juta**.

**Yang Berhormat Dato' Speaker,**

### **STRATEGI BAJET NEGERI KEDAH TAHUN 2023**

Dalam usaha mencapai gagasan Kedah Sejahtera Nikmat untuk semua, Bajet 2023 memfokuskan kepada 3 strategi utama:

- STRATEGI 1 -** Memulihkan dan Mencergaskan Pertumbuhan Ekonomi Domestik
- STRATEGI 2 -** Meningkatkan Kualiti Hidup dan Kesejahteraan Rakyat
- STRATEGI 3-** Mengoptimalkan Teknologi dan Peningkatan Keberkesanan Penyampaian Perkhidmatan Kepada Rakyat

**Yang Berhormat Dato' Speaker,**

**STRATEGI 1 - MEMULIH DAN MENCERGASKAN  
PERTUMBUHAN EKONOMI DOMESTIK  
FOKUS 1 - PEMBANGUNAN EKONOMI DOMESTIK**

**Inisiatif: Pembangunan Ekonomi Rakyat**

74. Pepatah lama ada menyebut ***“Anak yang sentiasa didukung, sampai bila pun tak boleh berjalan”*** Kerajaan Negeri berpegang dengan semangat pepatah ini dan berusaha memberi ruang dan peluang kepada rakyat untuk membina kehidupan masing masing. Pemberian bantuan secara tunai hanya diberi secara bersasar. Kerajaan mengambil pendekatan ***“memberi kail bukan ikan”*** dalam membentuk masyarakat supaya dapat membangunkan ekonomi mandiri dan tidak sepenuhnya mengharapkan bantuan terus menerus daripada kerajaan.

**Inisiatif : Bantuan Modal Pinjaman Mudah**

75. Melalui Unit Pembangunan Usahawan Kedah (UPUK), Kerajaan Negeri telah membantu lebih 700 orang peminjam yang terdiri daripada usahawan kecil dan pengusaha produk IKS. Sejumlah **RM3.7 juta** telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri Kedah bagi membantu usahawan-usahawan ini membina ekonomi.
76. Pada tahun 2021 dan 2022 Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Skim Pinjaman Tanpa Faedah iaitu Skim Pinjaman Mikro Kredit Sejahtera Kedah bagi membantu

usahawan-usahawan yang terkesan dengan penularan Covid-19. Skim Pinjaman ini telah memberi pinjaman sebanyak **RM3 ribu** sehingga **RM5 ribu** dan telah berjaya membantu **860 usahawan** melibatkan perbelanjaan sebanyak **RM3.5 juta**.

77. Selain memberi pinjaman tunai, UPUK juga membantu mengembangkan usahawan tempatan. Syarikat Bronis Sdn. Bhd., syarikat yang beroperasi di Taman Berlian, Jitra Kedah dimiliki oleh Puan Nor Azila Mahmood contohnya, menjalankan perniagaan kerepek, bronis dengan pelbagai perisa berjaya mengembangkan perniagaan dan berjaya menembusi pasaran seluruh Malaysia.
78. Meneruskan agenda membantu usahawan Negeri Kedah, selain kemudahan Pinjaman Skim Mikro Kredit, Unit Pembangunan Usahawan Negeri Kedah telah merangka beberapa program keusahawan bagi membantu usahawan lebih berdaya saing dan bersedia menghadapi digitalisasi perniagaan. Antara program yang dirancang ialah :
- i. Kursus Business Canvas
  - ii. Kursus Pengurusan Kewangan
  - iii. Kursus Pemasaran Digital
  - iv. Bengkel Pembangunan Produk Untuk Pasaran Eksport
  - v. Kursus Pengurusan Aliran Tunai Syarikat
  - vi. Kursus Teknikal Makanan
  - vii. Kursus Pensijilan Halal
  - viii. Kursus Pelabelan dan Pembungkusan Makanan

79. Kursus dan bengkel yang dianjurkan ini bakal membentuk usahawan yang mempunyai pengetahuan dan berada satu langkah ke hadapan berbanding usahawan tradisional.

**Yang Berhormat Dato' Speaker,**

**Inisiatif : Bantuan Usahawan Belia**

80. Daripada keseluruhan penduduk Negeri Kedah golongan belia yang berumur antara 15 hingga 30 tahun adalah seramai 605 ribu orang, mereka ini adalah golongan yang produktif dan berpotensi dibangunkan sebagai usahawan. Kerajaan Negeri telah menyediakan sejumlah **RM1 juta** untuk membiayai **Program Bantuan Usahawan Belia**.
81. Inisiatif bantuan yang disediakan adalah dalam bentuk bantuan modal secara one-off sebagai bantuan awalan untuk memulakan perniagaan. Golongan belia yang terpilih dibantu daripada segi pembangunan produk, pembangunan jenama, pemasaran dan iklan.

**Inisiatif : Kemudahan Tapak Niaga**

82. Suatu ketika dahulu sekiranya nak berjumpa kawan rakan kita akan ajak “ngeteh” sekarang kita diajak “ngopi” pula. Generasi muda cenderung kepada gaya hidup terbaharu ini. Gerai kopi dan penjaja kopi bertambah dengan ketara kebelakangan ini. Kerajaan akan membantu usahawan seperti ini melalui bantuan menyediakan kiosk di lokasi yang sesuai.



83. Kerajaan Negeri telah mengeluarkan dasar zon bebas berniaga bagi membantu golongan terkesan semasa pandemik Covid-19. Kerajaan Negeri mendapati pelaksanaan dasar ini telah membantu golongan penjaja meneruskan kehidupan. Tempoh kebenaran dasar ini akan berakhir 31 Disember 2022. Prihatin dengan kegusaran mereka ini Kerajaan bersetuju melanjutkan tempoh kebenaran zon bebas berniaga sehingga **31 Disember 2023**.
84. Beberapa zon bebas niaga berpotensi untuk dikembangkan menjadi pusat penjaja kecil yang sempurna. Kawasan yang terlibat telah dikenalpasti untuk dibangunkan dengan kemudahan yang lebih selesa kepada penjaja dan pelanggan.
85. Kerajaan Negeri bersama Pihak Berkuasa Tempatan akan memilih lokasi yang bersesuaian dan menambah baik kemudahan tapak penjaja kecil ini. Ini bagi membolehkan penjaja kita beroperasi secara selamat, terancang dan tidak mengganggu kawasan sekitar. Sejumlah **RM1.2 juta** disediakan.

#### **Inisiatif: Pembangunan Aplikasi iNIAGA**

86. Kerajaan sedar perniagaan dalam talian boleh diceburi oleh pelbagai peringkat umur. Jabatan dan agensi kerajaan pada masa ini melakukan pembelian barangan dan perkhidmatan secara manual. Antaranya bekalan kertas dan alat tulis, perkhidmatan sajian makanan, pakaian, penyelenggaraan pejabat, kenderaan dan sebagainya.

87. Bagi membuka peluang yang ada dengan lebih telus dan sistematik kerajaan telah membangunkan portal iNiaga. Semua usahawan boleh mendaftar dan menawarkan perkhidmatan atau barangan yang dijual. Semua jabatan dan agensi Kerajaan Negeri akan diwajibkan membuat perolehan daripada syarikat yang berdaftar di dalam portal ini.
88. iNIAGA juga memberi peluang kepada jabatan mempromosikan pelbagai produk yang berkualiti keluaran syarikat di bawah bimbingan Jabatan Kerajaan Negeri. Sehingga kini terdapat sejumlah 110 produk keluaran Pihak Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dibawah bimbingan Jabatan Pertanian Negeri Kedah telah didaftarkan di dalam iNIAGA.

### **Inisiatif : Tabung Sejahtera Wanita**

89. Golongan wanita dan ibu tunggal turut dibantu, meneruskan agenda yang telah dimulakan pada tahun 2020 Kerajaan Negeri meneruskan **Program Bantuan Tabung Wanita Sejahtera** dengan jumlah peruntukan **RM500 ribu**. Ini adalah bagi membantu golongan wanita dan ibu tunggal yang berniaga secara kecil-kecilan untuk menambah pendapatan keluarga dan keluar daripada belunggu kemiskinan. Dijangkakan faedah ini akan dapat dinikmati oleh seribu orang wanita seluruh Negeri Kedah.

**Yang Berhormat Dato' Speaker,**

## **FOKUS 2 – INFRASTRUKTUR DAN UTILITI**

90. Tanpa kemudahan infrastruktur yang lengkap dan sempurna, pembangunan ekonomi akan terjejas. Mengambil kira elemen ini, peruntukan bagi kemudahan infrastruktur dan utiliti disediakan di bawah peruntukan Pembangunan, Peruntukan Mengurus dan Peruntukan MARRIS di bawah Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pengairan dan Saliran, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah dan Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri.
91. Ketersediaan dan keadaan infrastruktur dan kemudahan awam adalah antara perkara yang sering dibangkitkan oleh orang awam. Isu kemudahan pengairan dan saliran, jalan berlubang, jalan tidak dinaiktaraf dan jambatan rosak disebabkan bencana alam adalah antara beberapa perkara yang dibangkitkan. Dapatan maklumat ini sering disuarakan oleh rakyat melalui Ahli-Ahli Yang Berhormat, Pejabat Daerah dan terkini melalui sistem dapatan secara atas talian.
92. Semasa Sesi Libat Urus dan Dialog Bajet 2023 diadakan pada 20 September yang lalu Kerajaan menerima banyak aduan mengenai kerosakan, kualiti dan isu '*connectivity*'. Kerajaan telah meneliti semua aduan ini dan melalui Bajet 2023, kerajaan akan melaksanakan kerja-kerja pembaikan, penyenggaraan dan menaiktaraf jalan yang di daftarkan di bawah Kerajaan Negeri secara terancang. InsyaAllah.

**Inisiatif : Pembangunan dan Pengurusan Sistem Saliran, Tali Air, Sungai dan Pantai**

93. Peruntukan pembangunan infrastruktur, penyenggaraan dan pengurusan sistem saliran, tali air, sungai dan pantai disediakan di bawah Jabatan Pengairan dan Saliran berjumlah **RM34.6 juta**.
94. Daripada jumlah tersebut **RM21 juta** disediakan bagi penyenggaraan berkala sistem saliran dan pengairan tali air. Penyenggaraan berkala ini dibuat bagi memastikan Saliran dan Tali Air tidak tersumbat terhalang dan mengganggu bekalan air kawasan sawah.

**Yang Berhormat Dato' Speaker,**

**Inisiatif : Kemudahan Jaringan Jalan dan Jambatan**

95. Peruntukan bagi kemudahan jaringan jalan dan jambatan diperuntukan berjumlah **RM52 juta**. Kerja-kerja Menaiktaraf Jalan Kota Sarang Semut ke Pekan Pendang (K133), dan Projek Menaiktaraf Jalan dari Susur Keluar PLUS (K175) ke Persimpangan Pendang By-Pass telah dimulakan pada Ogos 2022 dan dijangka siap pada tahun 2025. Peruntukan disediakan pada tahun ini bagi perkara ini adalah berjumlah **RM18.23 juta**.

96. **28 Projek** di bawah peruntukan Menaiktaraf Jalan dan Jambatan telah diperuntukkan di seluruh Negeri Kedah melibatkan peruntukan berjumlah **RM10.86 juta**. Antara projek yang dicadangkan adalah :
- i. Kerja Pelebaran Jalan di Batu 3 Gurun / Bukit Kuang (K 602) di Daerah Kuala Muda.
  - ii. Kerja-kerja Menaiktaraf Sistem Pembentungan di Jalan Sik / Weng K10, Daerah Sik.
  - iii. Menaiktaraf Jalan di Simpang 3 Batu 8 / Sungai Seluang (K812) Kulim,
  - iv. Kerja-kerja Menyenggara Abutment Jambatan di Jalan Napoh / Wang Perah (K301), Daerah Kubang Pasu.
97. Peruntukan telah disediakan bagi kerja awalan pembinaan 2 projek menggantikan jambatan berjumlah **RM2.8 juta**. Cadangan projek adalah bagi Menggantikan Jambatan Sungai Chepir di Jalan Batu Lima / Parit Panjang (K15) Jalan Tuju, Daerah Sik dan sebuah lagi Jambatan di Jambatan Sungai Getah KM1.5 Jalan Sungai Lalang/ Bukit Selambau (K152) Daerah Kuala Muda.
98. Kerajaan Negeri telah memperkemaskan lagi perancangan projek dan pengurusan peruntukkan penyenggaraan jalan negeri (MARRIS) :
- i. Skop bagi kontrak konsesi telah diperluaskan merangkumi kerja-kerja penyenggaraan berkala, rutin dan kecemasan.

- ii. Kerajaan Negeri telah memulakan penyenggaraan jalan kampung dalam kawasan MADA sejak akhir tahun lalu. Inisiatif ini telah diperaku dan dijadikan model untuk pelaksanaannya di seluruh negara seperti pengumuman YB. Menteri Kewangan semasa pembentangan Bajet 2023.
- iii. Kerajaan Negeri merancang penyenggaraan jalan kampung yang menjadi jalan perhubungan utama dalam kawasan MADA secara berperingkat dimulakan dengan Daerah Kubang Pasu dan Kota Setar.

#### **Inisiatif: Projek Bekalan Air**

99. Kerajaan sentiasa mengambil langkah positif dalam memastikan masalah bekalan air bersih tidak menjejaskan projek pembangunan dan kehidupan rakyat di Negeri Kedah. Dengan itu, kerajaan meneruskan pembangunan projek bekalan air negeri dalam Bajet 2023. Sebanyak **RM285.05 juta** diperuntukkan bagi meneruskan tujuh projek menaiktaraf bekalan air negeri.
100. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **RM2 juta** diperuntukkan daripada sumber kewangan negeri untuk menanggung kos pampasan pengambilan tanah bagi projek berikut:
  - i. Projek Menaiktaraf Loji Rawatan Air (LRA) Lubuk Buntar Lama;

- ii. Projek Menaiktaraf Loji Rawatan Air (LRA) Jenun Baru;
  - iii. Projek Menaiktaraf Loji Rawatan Air (LRA) Bukit Selambau; dan
  - iv. Projek Menaiktaraf Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Limau
101. Pembangunan empat (4) projek ini akan dibiayai secara Geran oleh Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA). Keempat-empat projek ini dijangka siap pada akhir tahun hadapan.
102. Sebanyak **RM283.05 juta** pula telah diperuntukkan daripada sumber pinjaman Kerajaan Persekutuan bagi meneruskan projek berikut:
- i. Projek Menaiktaraf Loji Rawatan Air (LRA) Pelubang;
  - ii. Projek Pengepaman Padang Mat Sirat; dan
  - iii. Projek Pembaikan Paip Dasar Laut ke Langkawi

**Yang Berhormat Dato' Speaker,**

### **FOKUS 3 - PERTANIAN DAN TERNAKAN**

#### **Inisiatif : Pembangunan Pertanian dan Jaminan Makanan**

103. Kerajaan Negeri memutuskan untuk meningkatkan pengeluaran beras melalui pelaksanaan **Projek Penanaman Padi 5 kali 2 tahun**. Selain daripada kawasan MADA, Kerajaan Negeri memilih kawasan padi di luar MADA yang sesuai untuk melaksanakan projek ini.

Kampung Rantau Panjang, Kota Kuala Muda dan diletakkan di bawah Skim Pengairan Kota II. Pada masa sekarang purata hasil semasa adalah antara 5.5 tan sehingga 6.0 tan per hektar.

104. Projek ini melibatkan penyertaan 60 peserta daripada Kampung Rantau Panjang melibatkan keluasan keseluruhan berjumlah 112 hektar. Skop bagi projek ini melibatkan penambahbaikan infra berkaitan sistem pengairan, pintu air dan sistem pengepaman. Kerja-kerja penyenggaraan jalan pertanian sedia ada di kawasan tersebut juga akan dilaksanakan di bawah peruntukan MARRIS. Jabatan pelaksana projek ini adalah Jabatan Pertanian Negeri dan Jabatan Pengairan dan Saliran. Peruntukan yang diluluskan adalah berjumlah **RM1.5 juta**.
105. Selain itu, peruntukan bagi pembangunan pertanian di bawah Jabatan Pertanian Negeri Kedah adalah berjumlah **RM6.06 juta** untuk tahun 2023. Peruntukan yang disediakan meliputi peruntukan Pembangunan Industri Tanaman Padi, Buah-Buahan, Sayur, Tanaman Ladang dan Komoditi Berprestasi berjumlah **RM4.5 juta**, Pembangunan Industri Asas Tani berjumlah **RM1.26 juta** dan Perkhidmatan Sokongan Teknikal dan Pembangunan Tanaman Organik berjumlah **RM0.3 juta**.
106. Kerajaan Negeri melalui Menteri Besar Inc. (MBI) melaksanakan dua projek iaitu :



- i. Pembangunan Ladang Kelapa Integrasi, Betik dan Melon di Kampung Bukit Kura, Mukim Pedu, Padang Terap.
- ii. Pembangunan Pusat Pembenihan dan Asuhan Ikan Marin di Sungai Menghulu, Mukim Kuah, Langkawi.

Kedua projek ini, bernilai **RM5 juta** dan telah dimulakan pada bulan Oktober 2022.

### **Inisiatif : Pembangunan Industri Ternakan**

107. Sejumlah **RM5 juta** turut disediakan di bawah peruntukan pembangunan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah dalam memajukan industri ternakan. **RM4.43 juta** disediakan bagi Pembangunan Industri Ruminan dan Bukan Ruminan, **RM285 ribu** disediakan untuk penyelidikan dan pembangunan usahawan ternakan dan **RM274 ribu** disediakan untuk Program Pemantapan Kesihatan dan Regulatori Veterinar.
108. Skim Geran Pembangunan Ekonomi Rakyat (GERAK), Program Transformasi dan Pengembangan Usahawan Veterinar (TEMPUR) dan Program Perintis Pembangunan Industri Penternakan (PERINTIS) adalah merupakan program Jabatan Veterinar yang mensasarkan seramai 102 penternak dan usahawan untuk dimajukan.

**Yang Berhormat Dato' Speaker,**

## **FOKUS 4 – PELANCONGAN**

### **Inisiatif : Pembangunan dan Program Pelancongan**

109. Walaupun dalam keadaan pandemik kemasukan pelancong ke Negeri Kedah pada tahun 2021 adalah seramai 5 juta orang melibatkan 4 juta pelancong domestik dan 1 juta pelancong antarabangsa. Kerajaan mensasarkan jumlah ketibaan pelancong ditingkatkan melalui usaha pembangunan produk dan promosi yang tersusun. Selain Langkawi, Kerajaan akan memberi tumpuan memajukan pelancongan di tanah besar yang kaya dengan keindahan alam semula jadi, makanan dan keramahan penduduk tempatan.

### **Eko Pelancongan**

110. Berdasarkan '*trend*' semasa, aktiviti *camping*, *glamping* dan "*hiking*" sangat popular di kalangan generasi muda, kerajaan akan memajukan beberapa lokasi utama untuk menjadi elemen penarik kepada pelancong. Sehubungan itu sejumlah **RM3 juta** telah disediakan kepada Jabatan Perhutanan bagi pembangunan dan penyelenggaraan 9 Kawasan Hutan Lipur dan Taman Eko Rimba seluruh Negeri Kedah.

111. Sejumlah **RM3.5 juta** juga telah diluluskan bagi Projek Eko-Pelancongan Taman Eko-Rimba Sungai Teroi, Gunung Jerai. Elemen pembangunan dalam projek ini adalah pembinaan pelantar tinjau, pembangunan “*canopy walk*”, menaik taraf denai laluan dan kemudahan tapak perkhemahan dan kemudahan surau serta tandas. Projek ini di peringkat reka bentuk dan akan dimulakan pada awal tahun hadapan.
112. Lokasi kedua ialah jajaran Gunung Baling dan Gunung Pulai, Baling yang popular di kalangan pendaki gunung. Selain itu, kawasan ini juga mempunyai tarikan kepada peminat eksplorasi gua seperti Gua Sireh.

Berhampiran jajaran gunung dan gua ini terdapat Kolam Air Panas Ulu Legong. Kerajaan akan menambah baik kemudahan pelancongan di kawasan ini.

### **Muzium Padi**

113. Lukisan panorama merupakan tarikan unik pengunjung ke Muzium Padi. Walau bagaimanapun, disebabkan faktor masa, terdapat sebahagian lukisan yang dibuat sejak tahun 2004 telah mengalami kerosakan. Sejumlah **RM3 juta** telah diperuntukkan kepada Lembaga Muzium Negeri Kedah bagi kerja-kerja menaiktaraf Muzium Padi meliputi Pembaikan Lukisan Panorama dan Pembaikan Sistem Penyaman Udara.

## **Pengindahan Sungai Anak Bukit**

114. Bandar Alor Setar terletak di antara Sungai Kedah dan Anak Bukit. Lokasi ini sangat menarik dan boleh dimajukan sebagai produk pelancongan. Kerajaan akan memulakan Projek Pengindahan Sungai Anak Bukit (daripada Masjid Zahir hingga Istana Anak Bukit) secara berperingkat dan melibatkan pelbagai pihak. Kejayaan program seperti ini ditempat lain boleh dijadikan contoh.

## **Rumah Rundingan Baling**

115. Rundingan Baling pada tahun 1955 di antara Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra dan Chin Peng merupakan sejarah penting yang membawa kepada Kemerdekaan Negara. Kerajaan telah mendapat peruntukan berjumlah **RM290 ribu** daripada Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya untuk membina Galeri Rundingan Baling di Sekolah Kebangsaan Tunku Putra, Baling. Manakala, Kerajaan Negeri akan membaik pulih rumah Pegawai Daerah Baling yang menjadi rumah penginapan Almarhum Tunku Abdul Rahman ketika Rundingan Baling diadakan sebagai rumah warisan. Usaha ini bertujuan mengekalkan 'venue' yang bersejarah pada generasi yang akan datang.

### **Inisiatif : Promosi Pelancongan**

116. Bagi mencapai sasaran kemasukan pelancong seramai lima juta orang kerajaan akan menggiatkan usaha promosi. Sejumlah **RM1 juta** disediakan bagi peruntukan promosi pelancongan.
117. Kedah Tourism Sdn. Bhd. yang merupakan anak syarikat Kerajaan Negeri akan bertindak sebagai agensi promosi pelancongan. Semua pihak yang terlibat disarankan bekerjasama untuk menjayakan agenda ini.

**Yang Berhormat Dato' Speaker,**

### **STRATEGI 2 - MENINGKATKAN KUALITI HIDUP DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT FOKUS 1 - KEBAJIKAN RAKYAT**

#### **Inisiatif : Menambahbaik Prasarana Desa dan Ameniti Sosial**

118. Pelan Pembangunan Kedah 2035, mensasarkan peningkatan kualiti hidup masyarakat di desa. Bagi mencapai maksud ini, Program Pembangunan Prasarana Desa dan Ameniti Sosial diperuntukkan sebanyak **RM7.5 juta**.

#### **Inisiatif : Bantuan kepada Golongan Memerlukan**

119. Peruntukan berjumlah **RM170 ribu** bagi setiap kawasan DUN disediakan untuk program pembaikan rumah keluarga miskin.

Kerajaan telah menambah peruntukan sedia ada berjumlah **RM5.5 juta** kepada **RM6.12 juta** tahun 2023, diharapkan dengan peruntukan ini akan dapat membantu lebih banyak keluarga miskin hidup dalam kediaman yang lebih selesa.

120. Sejak tahun 2010 kadar Bantuan Am Kerajaan Negeri dibawah Jabatan Kebajikan Masyarakat tidak pernah dibuat pindaan. Bantuan Am yang diterima adalah diantara **RM200** kepada maksimum **RM350**. Dalam keadaan ekonomi semasa nilai bantuan yang diberikan tidak lagi sesuai. Sehubungan itu, saya ingin memaklumkan mulai Januari 2023 kadar maksimum Bantuan Am dinaikkan daripada **RM350** kepada **RM600**. Kenaikan ini akan membantu lebih 6,000 orang penerima bantuan.
121. Tambahan peruntukan berjumlah **RM3 juta** diluluskan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat menjadikan keseluruhan bantuan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat berjumlah **RM27.8 juta**.
122. Selain itu, beberapa kriteria dalam pemberian bantuan telah dikaji semula dan diluluskan melibatkan Pendapatan Keluarga (Isi Rumah) berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Purata Miskin Isi Rumah atau PGK Purata Miskin Perkapita.
123. Golongan warga emas yang tinggal berseorangan tidak dilupakan, dibawah peruntukan projek khas rumah/pusat kebajikan, Kerajaan Negeri memperuntukan sejumlah **RM700 ribu** untuk pembinaan Rumah Orang Tua Sungai Tengah, Kulim.

Kerja di tapak telah dimulakan pada tahun 2022 dan dijangka siap pada November 2023. Pembinaan 10 unit rumah ini terletak bersebelahan dengan Masjid Sungai Tengas. Warga emas yang terpilih adalah mereka yang menerima bantuan daripada JKM dan mampu berdikari, diharapkan pembinaan ini akan membantu warga emas yang terpilih mendapat manfaat dalam meniti usia senja.

124. Perumahan awam yang usang akan dibaikpulih. Kerajaan menyediakan peruntukan sejumlah **RM2 juta**. Selain itu, sejumlah **RM500 ribu** turut disediakan bagi tujuan penyediaan hakmilik bagi Skim Rancangan Perumahan Awam Negeri Kedah (RPA) 69 unit rumah di RPA Bukit Selambau, Kuala Muda dan 32 unit RPA Karangan, Kulim.

#### **Inisiatif: Bantuan Kedah Sejahtera**

125. Asas ***Al-Ma'iyah atau Bersama*** dalam salah satu asas Gagasan Kedah Sejahtera Nikmat untuk semua, melibatkan kebersamaan seluruh pemimpin dan rakyat, mengharungi susah senang kehidupan demi kebaikan untuk semua. Peruntukan Bantuan Kedah Sejahtera disediakan sebanyak **RM35.61 juta**.
126. Kerajaan Negeri tetap meneruskan pelbagai **Bantuan Kedah Sejahtera** seperti yang telah diluluskan pada tahun sebelum ini:
  - i. **Bantuan Khairat Kematian** diperuntukan sejumlah **RM3 juta**.

- ii. **Bantuan Beras Sejahtera** diperuntukan sejumlah **RM3.24 juta** yang akan dimanfaatkan oleh 150 orang penerima di setiap kawasan DUN pada setiap bulan.
- iii. **Program Bantuan Anakku Sejahtera** diperuntukkan sejumlah **RM1 juta**
- iv. **Program Bantuan Kepada Pesakit Terlantar** berjumlah **RM2 juta**
- v. Peruntukan **Bantuan Pembaikan Kecil** Yang Berhormat ADUN berjumlah **RM50 Ribu** setiap ADUN Kerajaan.
- vi. Peruntukan **Desa Sejahtera** turut diberikan kepada semua ADUN Kerajaan berjumlah **RM50 Ribu**.
- vii. **Bantuan peralatan perubatan kepada pesakit miskin** berjumlah **RM500 Ribu**.

**Yang Berhormat Dato' Speaker,**

**Inisiatif: Peruntukan Bencana Negeri**

127. Seperti yang saya maklumkan di awal ucapan ini, peruntukan bagi pengambilan tanah bagi Projek Rumah Ganti kepada 17 penduduk Kampung Iboi yang berada di zon bahaya dan terdedah kepada banjir setiap kali hujan lebat akan disediakan pada tahun hadapan.
128. Selain itu, Kerajaan Negeri turut menyediakan bantuan kepada mangsa bencana melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat dan bantuan melalui Pusat Khidmat.



**Yang Berhormat Dato' Speaker,**

## **FOKUS 2 - PEMBANGUNAN SOSIAL**

### **Inisiatif: Program Pembangunan Ummah**

129. Pada tahun 2022 sejumlah 17 buah masjid dan 25 buah surau telah dinaiktaraf. Program naik taraf masjid dan surau seluruh Negeri Kedah akan diteruskan pada tahun 2023 dengan peruntukan berjumlah **RM2 juta**. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah juga diperuntukkan sejumlah **RM1 juta** bagi kerja menaiktaraf Pejabat dan Dewan Masjid Zahir.

130. Kerajaan sangat perihatin dan akan membela nasib anak yatim dan fakir miskin. Prinsip ini menepati hadis Rasulullah SAW yang bermaksud:

***"Aku dan orang yang menjaga anak yatim seperti 'ini' di dalam syurga. Baginda mengisyaratkan dengan merapatkan dua jari baginda SAW iaitu jari telunjuk dan jari tengah".***

(Hadith riwayat Al-Tirmizi bilangan 1918)

131. Sehubungan itu, pada tahun 2023, kerajaan akan menyediakan kemudahan asrama kepada anak yatim dan fakir miskin melalui Projek Pembaikan Bangunan Rumah Anak Yatim dan Miskin di Teluk Teduri, Mukim Pulau, Baling. Bangunan yang terbiar sekian lama akan dibaik pulih dengan kos sebanyak **RM300 ribu**. Pengurusan bangunan asrama ini akan dikendalikan oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK).

### **Inisiatif: Pembangunan Program Cordoba Of Kedah**

132. Matlamat kerajaan adalah bagi melahirkan anak-anak Kedah pada masa hadapan yang berketerampilan dalam pelbagai bidang ilmu dengan berkeperibadian unggul atau “***The Towering Personality***”. Ciri-ciri inilah yang kita idamkan untuk anak-anak, yang akan kita wariskan negeri ini pada masa hadapan.
133. Inisiatif pembangunan insan melalui Program “Cordoba of Kedah” dengan menggabungkan pendidikan formal dan tidak formal dalam membentuk generasi muda yang kental, mantap dan cemerlang dalam bidang sains, teknologi dan agama. Agenda ini akan digerakkan melalui penubuhan Pusat Kecemerlangan Cordoba of Kedah di UniSHAMS. Bantuan geran penubuhan secara one-off akan disediakan bagi maksud ini.

### **Inisiatif: Program Pembangunan Insan**

134. Kejayaan sesebuah negeri berkait rapat dengan insan yang cemerlang dan bertakwa. Sebanyak **RM300 ribu** disediakan bagi program-program Pembangunan Insan. Perancangan program pada tahun 2023 adalah untuk membina jati diri anak muda yang berdaya saing dan menyumbang kepada komuniti.
135. Program yang dicadangkan adalah:
- i. Kem Remaja Sejahtera melibatkan remaja berusia 16-18 tahun.

- ii. Himpunan Generasi Sejahtera untuk belia berusia 16-30 tahun.
- iii. Seminar Anak Sejahtera untuk anak berusia 9-12 tahun.
- iv. Kem Bina Insan untuk anak berusia 13-15 tahun.

### **Inisiatif: Peruntukan Perhubungan Kaum**

136. *Al-Insijam* atau harmoni, menitikberatkan keharmonian antara masyarakat pelbagai kaum. Peruntukan perhubungan kaum pada tahun 2022 berjumlah **RM450 ribu**. Peruntukan ini **dinaikkan kepada RM540 ribu** pada tahun 2023.
137. Manakala, peruntukan bantuan kepada tiga buah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dikekalkan dengan nilai bantuan berjumlah **RM300 ribu pada tahun 2023**.

### **Inisiatif: Geran aktiviti kepada Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK)**

138. Sebanyak **RM2.05 juta** disediakan kepada 1,025 JPKK bagi tujuan program diperingkat kampung. JPKK bertindak sebagai penghubung antara rakyat dan Kerajaan serta menjadi agen perubahan diperingkat komuniti.

**Yang Berhormat Dato' Speaker,**

### **FOKUS 3 – PENDIDIKAN**

139. Pembangunan pendidikan menjadi teras melahirkan tenaga kerja dimasa hadapan. Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan pemberian dan bantuan pendidikan kepada Lembaga Maktab Mahmud, UniSHAMS, IQDAR, Bantuan Biasiwa dan Pinjaman serta lain-lain pemberian berjumlah **RM56.18 juta**.

#### **Lembaga Maktab Mahmud**

140. Peruntukan kepada Lembaga Maktab Mahmud bagi membiayai kos operasi, pengurusan sekolah, keperluan peralatan dan program pembangunan murid berjumlah **RM28 juta**.

141. Kerajaan telah membina dan menyiapkan dua unit Kuarters Kakitangan Berkembar 1 Tingkat bernilai **RM396 ribu**, di Maktab Mahmud Sik bagi menggantikan kediaman warden asrama yang terlalu uzur. Ini menunjukkan kerajaan sangat menjaga hal ehwal kebajikan guru dan warden asrama.

142. Pembinaan bangunan akademik dan asrama pelajar puteri Maahad Tahfiz Sains Darul Aman di Kulim telah dimulakan pada tahun 2022 yang berharga **RM24 juta**. Projek ini dibina bagi menggantikan bangunan kuarters lama yang dijadikan asrama dan kelas sejak penubuhannya. Projek ini dijangka siap pada tahun 2024. Sejumlah **RM5 juta** diperuntukkan bagi pembayaran projek ini pada tahun 2023.

## **UniSHAMS dan IQDAR**

143. UniSHAMS diperuntukkan sebanyak **RM8 juta**. Pemberian kepada UniSHAMS berkurang pada tahun 2023 berbanding tahun 2022, berdasarkan kedudukan semasa kewangan UniSHAMS yang semakin kukuh.
144. Sejumlah **RM3 juta** turut disediakan bagi maksud pengurusan IQDAR.
145. Bagi melengkapkan IQDAR sebagai institusi pengajian Al-Quran yang ulung, kerajaan telah menyiapkan pelan rekabentuk bangunan dan menetapkan kaedah pembiayaan projek ini menerusi pemberian Kerajaan Negeri dan sumbangan awam. Sumbangan awam sebanyak **RM4 juta** diterima melalui Lembaga Zakat Negeri Kedah manakala Kerajaan Negeri akan menyalurkan bantuan sebanyak **RM1 juta**. Pembinaan asrama ini dijadualkan bermula pada awal tahun hadapan. InsyaAllah.

**Yang Berhormat Dato' Speaker,**

**Inisiatif: Bantuan Sekolah Menengah Agama dan Institusi Pendidikan Negeri Kedah**

146. Pembaikan dan penyenggaraan bangunan sekolah dan institusi pendidikan islam diperuntukkan sebanyak **RM1.7 juta**.

147. Bantuan tunai kepada Sekolah Agama Rakyat dan Tahfiz yang berdaftar dengan Kerajaan Negeri diteruskan pada tahun 2023 dengan peruntukan berjumlah **RM1 juta**.

Yang Berhormat Dato' Speaker

### **Inisiatif: Kebajikan Guru Sekolah Menengah Agama**

148. Kerajaan Negeri telah menerima keluhan daripada guru-guru yang dilantik secara kontrak dibawah JHEAIK berkenaan nasib sebahagian mereka yang tidak menerima kenaikan gaji tahunan disebabkan terikat dengan kontrak ketika lantikan dibuat. Terdapat sebilangan guru ini tidak menerima kenaikan gaji tahunan sejak 6 tahun yang lalu. Kerajaan Negeri telah meneliti isu ini dan memutuskan untuk dibuat kajian semula ke atas syarat-syarat lantikan dan kenaikan gaji.

149. Kerajaan akan mempertimbangkan kenaikan gaji kepada 146 orang guru yang terlibat selepas kajian ini disiapkan pada tahun hadapan.

150. Selain itu, semua guru lantikan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam (JHEAIK) akan menerima faedah kenaikan secara one-off berjumlah **RM100** seorang seperti yang dinikmati penjawat awam yang lain. Peruntukan dasar baru yang diluluskan bagi tujuan perkara ini adalah sebanyak **RM622 ribu**.

## **Inisiatif: Bantuan Pendidikan**

151. Setiap pelajar daripada kalangan keluarga B40 layak menerima Biasiswa Kecil Sekolah Menengah. Pinjaman pendidikan turut disediakan kepada pelajar anak Kedah yang melanjutkan pelajaran ke Institusi Pengajian Tinggi Awam sahaja. Bagi maksud ini **RM800 ribu** disalurkan kepada Seksyen Pembiayaan Pendidikan Negeri Kedah.
152. Kerajaan Negeri meneruskan bantuan kemasukan ke IPT kepada semua pelajar yang layak. Sejumlah **RM1 juta** disediakan untuk bantuan ini.
153. Sepanjang tahun 2022 seramai 3,333 orang siswa telah menerima faedah daripada kemudahan bantuan kemasukan ke IPT, seramai 123 orang pelajar diluluskan pinjaman pendidikan dan seramai 404 orang pelajar telah menerima Biasiswa Kecil Sekolah Menengah.
154. Permohonan bantuan kemasukan ke IPT boleh dipohon secara atas talian melalui portal i-BKIPT, manakala permohonan pinjaman pendidikan boleh dipohon melalui portal i-PINJAM.
155. Kerajaan menyeru kalangan siswa yang menerima dan tamat pengajian membuat bayaran balik pinjaman melalui aplikasi iBAYAQ.

## **FOKUS 4 – PEMBANGUNAN SUKAN**

156. Majlis Sukan Negeri Kedah sebagai peneraju pembangunan sukan negeri telah diperuntukkan sebanyak **RM12.91 juta** merangkumi bayaran emolumen, elaun, program-program pembangunan sukan serta pembaikan infrastuktur. Program yang disediakan termasuk penyediaan bantuan penyertaan kejohanan dan peralatan sukan bagi mengukur dan meningkatkan tahap kecergasan atlet.
157. Selain itu, kerajaan juga menyediakan peruntukan baik pulih dan menaiktaraf fasiliti sukan sedia ada. Sebanyak **RM2.71 juta** diperuntukkan kepada Majlis Sukan Negeri Kedah (MSNK) bagi maksud ini.
158. Bagi tujuan menambahbaik infrastuktur dan fasiliti stadium, Kerajaan Negeri juga menyediakan peruntukan berjumlah **RM4.5 juta** kepada Perbadanan Stadium Negeri Kedah bagi pengurusan dan pembaikan infra bagi Stadium Darul Aman dan Stadium Sultan Abdul Halim di Suka Menanti. Manakala, untuk Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-anggota Kerajaan (MAKSAK) pula, telah diperuntukkan **RM200 ribu** bagi penyertaan di peringkat kebangsaan.
159. e-Sport juga salah satu cabang sukan yang menarik minat dikalangan anak-anak muda, bagi mengembangkan dan membantu pertumbuhan e-Sport, Kerajaan Negeri akan menganjurkan pertandingan e-Sport bagi pada awal tahun 2023 bagi merebut Piala Menteri Besar.



160. Kerajaan melihat kepada pentingnya menyediakan pasukan yang kuat bagi menyertai kejohanan di peringkat kebangsaan. Antaranya Kejohanan Ragbi Piala Agong, Pertandingan Hoki Piala Razak dan Kejohanan Liga Super Bola Jaring. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri akan memberi bantuan bagi persiapan pasukan Kedah menyertai kejohanan tersebut.

**Yang Berhormat Dato' Speaker,**

### **FOKUS 5 – KELESTARIAN ALAM SEKITAR DAN KEHIDUPAN**

#### **Projek Pantai Kampung Huma**

161. Hakisan pantai yang teruk berlaku sepanjang pantai Kampung Huma, Tanjung Dawai, Daerah Kuala Muda. Setiap kali berlakunya air pasang besar penduduk dipesisir pantai tidur tidak “jerap”. Kerajaan Negeri telah meluluskan Projek Pengawalan Hakisan Pantai di Kampung Huma, Tanjung Dawai, Daerah Kuala Muda berjumlah **RM2.8 juta**. Kerja di tapak telah bermula dan dijangka siap pada bulan Mac 2023.

#### **Pemeliharaan Hutan**

162. Negeri Kedah dianugerahkan dengan kekayaan khazanah alam yang terletak di kawasan hutan seluas 342 hektar. Sumber hutan yang melindungi kepelbagaian bio, merupakan kawasan tadahan bagi sumber bekalan air untuk kegunaan domestik, industri dan pertanian yang dinikmati juga oleh negeri jiran Pulau Pinang dan Perlis. Peruntukan berjumlah **RM7.9 juta** disediakan dibawah Kumpulan Wang Pembangunan Hutan.

163. Sebahagian peruntukan yang yang disediakan adalah bagi maksud ***Ecological Fiscal Transfer For Biodiversity Conservation (EFT)***. Perbelanjaan bagi perkara ini adalah meliputi perbelanjaan pemeliharaan kawasan perlindungan terrestrial, air daratan, pesisir pantai dan marin, Di samping itu, terdapat juga Program pemuliharaan, restorasi, pengayaan, rawatan tanaman pokok, rawatan penanaman semula dan penyulaman termasuk inventori pokok di kawasan Hutan Simpan Kekal.
164. **RM400 ribu** diperuntukkan di bawah Jabatan Pengairan dan Saliran untuk pembangunan kolam takungan dan saliran mesra alam di Kampung Kolam Takungan Padang Pelandok, Sintok, kolam takungan Ewa, Mukim Ayer Hangat, Langkawi dan Kolam Takungan Taman Serai Wangi Daerah Kulim.

**Yang Berhormat Dato Speaker,**

**STRATEGI 3 - MENGOPTIMAKAN TEKNOLOGI DIGITAL DAN  
PENINGKATAN KEBERKESANAN  
PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN KERAJAAN  
KEPADA RAKYAT.**

**FOKUS 1 - TEKNOLOGI DIGITAL**

**Inisiatif: Pembangunan Fasiliti, Sistem dan Aplikasi**

165. Usaha pemodenan tadbir urus dengan mengabung jalin Teknologi Digital Kerajaan dan Kecekapan Tadbir Urus terus dilaksanakan, kerajaan telah memperuntukkan **RM7.7 juta** bagi maksud ini.

Peruntukan ini akan dapat memberikan faedah dan manfaat yang besar kepada rakyat dan pentadbiran kerajaan dalam meningkatkan kutipan hasil, sistem penyampaian yang cekap, cepat, berkesan serta penuh berintegriti.

166. Pecahan peruntukan ini merangkumi Projek Pembangunan ICT berjumlah **RM3.56 juta**, Perolehan Perkakasan dan Peralatan ICT berjumlah **RM2 juta** manakala **RM2.14 juta** adalah penyediaan perkhidmatan terurus perkhidmatan dan sewaan peralatan ICT.

#### **Inisiatif: 'Kedah Cashless' (Transaksi Tanpa Tunai)**

167. Sistem pembayaran secara atas talian yang dikenali sebagai iBAYAQ mula dilaksanakan pada Ogos 2020 dan mendapat sambutan yang positif daripada pembayar cukai kerana memberi kemudahan dan tidak lagi perlu berurusan di kaunter pejabat.
168. Kerajaan telah menambah baik iBAYAQ dengan memperkenalkan penambahan modul '**add to cart**' yang membolehkan banyak bil bayaran dapat dibuat dan boleh digunakan oleh jabatan negeri.

**Yang Berhormat Dato' Speaker,**

#### **FOKUS 2 – PENGURUSAN KEWANGAN BERHEMAH**

**Inisiatif: Memaksimumkan Kutipan Hasil**

169. Kerajaan Negeri akan meminda kaedah-kaedah di bawah Seksyen 35, Enakmen Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1997 melibatkan pindaan berkaitan jenis hiburan dan fi yang akan dikenakan dengan memastikan jenis hiburan sediada yang tidak di lesenkan dapat diberi lesen dengan sempurna. Pindaan ini merupakan penambahbaikan dan salah satu kawalan terhadap pengeluaran lesen hiburan di Negeri Kedah dan sebagai salah satu langkah mengelakkan ketirisan hasil.
170. Kerajaan Negeri telah mengumumkan penemuan bahan mineral baru iaitu **Rare Earth Elements (REE)** di negeri ini yang dianggarkan bernilai **RM60 billion**. Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif dengan menetapkan kadar royalti sebanyak 15% daripada harga jualan dan juga menetapkan kadar baharu bagi sewaan tanah tahunan untuk pajakan melombong sebanyak **RM300** per hektar serta menetapkan kadar baru bagi Kumpulan Wang Pemulihan Bersama bagi permohonan REE sebanyak **RM50 ribu setahun** yang berkuatkuasa 01 April 2022.
171. Kerajaan Negeri berusaha memastikan laporan Akaun Belum Terima dikemaskini setiap tahun. Walau bagaimanapun, trend semasa menunjukkan jumlah akaun belum terima meningkat setiap tahun. Kerajaan Negeri berusaha melaksanakan pelbagai inisiatif untuk mengurangkan jumlah akaun belum terima seperti:
- i. Meluluskan tempoh pelanjutan bayaran tempoh cukai semasa dengan pengecualian denda lewat yang berakhir 31 Mei 2022 kepada 31 Julai 2022 sebagai satu galakan

kepada pemilik tanah membuat bayaran cukai tanah semasa dan tunggakan.

- ii. Menetapkan sasaran kutipan tunggakan cukai tanah sebanyak 40% daripada anggaran hasil tunggakan cukai tanah tahun 2022.
- iii. Meluluskan bayaran ansuran bagi tunggakan cukai hiburan mengikut permohonan dan melanjutkan kadar cukai hiburan kepada pengusaha taman tema di Negeri Kedah daripada 25% kepada 7.5% sehingga 31 Disember 2023.

#### **Inisiatif: Perbelanjaan Berhemah**

172. Menyedari dunia akan berhadapan krisis inflasi pada tahun 2023, maka pastinya Kerajaan Negeri memerlukan pendekatan yang berbeza dalam perbelanjaan.

173. Kerajaan mengambil pendekatan berbelanja secara berhemah dalam menyediakan Bajet 2023. Perbelanjaan akan dibuat mengikut keutamaan kepada rakyat.

**Yang Berhormat Dato' Speaker,**

### **FOKUS 3 - KECEKAPAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN**

**Inisiatif : Peruntukan Pengurusan Jabatan-Jabatan Negeri**

174. Sebagai usaha meningkatkan kemudahan kepada penjawat awam di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri, **RM460 juta** telah diperuntukkan bagi Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 2023 meliputi peruntukan emolumen, perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan dan peruntukan pembelian aset dan alatan kerja.
175. Anggaran mengurus 2023 bertambah berikutan keputusan dasar yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan iaitu penetapan kadar gaji minimum dan pemberian kenaikan gaji secara *one-off* sebanyak **RM100** kepada setiap kakitangan gred 56 ke bawah.
176. Pecahan peruntukan bagi maksud emolumen kakitangan tetap dan kontrak adalah berjumlah **RM312 juta** manakala Peruntukan bagi Perkhidmatan dan Bekalan untuk operasi jabatan berjumlah **RM178 juta**.
177. Program penggantian peralatan pejabat, alatan kerja, kenderaan dan perkakasan perabot dilaksanakan secara terancang dan diperuntukkan sejumlah **RM21.4 juta**.

#### **Inisiatif: Peruntukan Pembangunan Kemudahan dan Fasiliti Jabatan**

178. Fasiliti dan suasana kerja yang kondusif memberikan keselesaan kepada kakitangan dan pelanggan. Kerajaan Negeri telah menetapkan polisi supaya semua bangunan Kerajaan disenggara dan dinaiktaraf bagi menambah nilai aset tak alih. Peruntukan bagi

kerja-kerja menaiktaraf bangunan dan fasiliti jabatan-jabatan negeri diperuntukkan sebanyak **RM22.09 juta**.

179. Dalam memperkasakan Institusi Penghulu, sebanyak 4 lagi Pejabat Penghulu akan dibina seperti berikut :

- i. Pejabat Penghulu Mukim Bukit Lada
- ii. Pejabat Penghulu Mukim Kangkong
- iii. Pejabat Penghulu Mukim Kupang
- iv. Pejabat Penghulu Mukim Pelubang / Wang Tepus

#### **Inisiatif: Penghargaan dan Kebajikan Penjawat Awam Negeri Kedah**

180. Kerajaan Negeri amat berterima kasih atas dedikasi dan kesungguhan yang tidak berbelah bahagi kakitangan awam negeri dalam melaksanakan dasar, program dan projek yang dirancang oleh kerajaan demi membangunkan Negeri ini. Kakitangan awam negeri juga terlibat menguruskan bantuan semasa berlakunya bencana di negeri ini.

181. Kerajaan menghargai sumbangan dan pengorbanan semua kakitangan awam negeri. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri telah bersetuju memberikan bantuan khas kewangan berjumlah **RM1,500** seorang kepada semua kakitangan awam negeri dan anggota pentadbiran negeri melibatkan pembayaran berjumlah 8 juta dibayar pada Disember 2022.

## PENUTUP

182. Firman Allah SWT di dalam Surah Yunus ayat 99:

وَلَوْ شَاءَ رَبُّكَ لَأَمَنَّ مَنْ فِي الْأَرْضِ كُلَّهُمْ جَمِيعًا أَفَأَنْتَ تُكْرَهُ  
النَّاسَ حَتَّىٰ يَكُونُوا مُؤْمِنِينَ ﴿٩٩﴾

(QS. Yunus: 99) Dan (bukanlah tanggungjawabmu wahai Muhammad menjadikan seluruh ummat manusia beriman), jika Tuhanmu menghendaki nescaya berimanlah sekalian manusia yang ada di bumi. (Janganlah engkau bersedih hati tentang kedegilan orang-orang yang ingkar itu: kalau Tuhan tidak menghendaki) maka patutkah engkau pula hendak memaksa manusia supaya mereka menjadi orang-orang yang beriman?

183. Seajar dengan konsep ***Al-Hurriyah atau Bebas***, semua pihak bebas untuk memberikan pandangan yang boleh membawa kebaikan kepada negeri dan warganya. Semua pihak hendaklah bertanggungjawab dan ikhlas dalam menyampaikan pandangan yang membina. Amalan mengeluarkan kenyataan yang berunsur negatif atau fitnah hendaklah dihapuskan.



184. Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya tinggalkan sedikit pesanan buat diri saya dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian:

***Kalau hendak membeli cermin;  
Belilah cermin tembus cahaya.  
Kalau mahu menjadi pemimpin;  
Jadilah pemimpin lurus bicara***

***Kalau mencari tempat mandi,  
Pertama teluk kedua pantai,  
Kalau memilih pemimpin negeri,  
Pertama elok kedua pandai.***

185. Kepada Yang Berhormat Dato' Speaker pun ada juga pantun saya,

***Mekar angsana pandang tak lesu;  
Bunganya luruh ke dalam raga.  
Pandang Dato' Speaker sungguh tak jemu;  
Lebih semangat rasa di dada.***

Sekian.

Yang Berhormat Dato' Speaker,  
Saya mohon mencadangkan.